

Yayasan SP Setia sumbang van

Kuala Lumpur: Usaha mempertingkatkan kehidupan golongan kurang bernasib baik khususnya pesakit buah pinggang diteruskan Yayasan SP Setia dengan menyumbangkan sebuah van, di sini, semalam.

Van bernilai RM78,500 itu, disampaikan kepada Tabung Kebajikan Buah Pinggang, MAA Medicare bagi kemudahan pengangkutan hampir 170 pesakit untuk mendapatkan perkhidmatan hemodialisis.

Pengangkutan bagi pesakit

Pengerusi SP Setia, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata menyedari kepentingan pengangkutan bagi pesakit khususnya warga emas dan tidak mempunyai pengangkutan, pihaknya tampil memberi bantuan.

“Pesakit buah pinggang perlu menjalani rawatan dalam tempoh empat jam, tiga kali seminggu bagi memastikan kesihatan mereka dalam tahap yang baik.

“Ia dapat membantu pesakit mendapatkan rawatan dengan pengangkutan pergi dan balik dari pusat rawatan terjaga,” katanya, di sini, semalam.

Turut hadir, Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Tabung Kebajikan Buah Pinggang MAA Medicare, Prof Dr Norella Kong Chiew Tong.

Khidmat pengangkutan berkenaan disediakan untuk 170 pesakit yang sudah dikenal pasti MAA Medicare dari tiga pusat hemodialisis berkenaan di Sungai Besi, Kajang dan juga Jalan Ipoh.